


## Saksi dengar bunyi kuat sebelum helikopter terhempas

[Nor Azizah Mokhtar](#) - Mac 24, 2021 @ 1:56pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Helikopter jenis Airbus AS350 B3 terhempas di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz, Subang menyebabkan dua daripada lima penumpang cedera. - Foto NSTP/Aizuddin Saad  
PETALING JAYA: Helikopter yang terhempas di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), Subang di sini, dikatakan mengeluarkan bunyi 'pelik' sebelum terhempas.

Saksi yang dikenali sebagai R Romu, 74, mendakwa mendengar bunyi enjin helikopter yang kuat dari kawasan lapangan terbang.

Dia yang juga pekerja di Lapang Sasar Menembak Subang juga hairan kerana tidak pernah mendengar bunyi helikopter yang begitu kuat.

"Saya dengar bunyi kuat kira-kira jam 9 pagi, ketika itu saya sedang bekerja, lokasi kejadian dan tempat saya bekerja hanya terletak 500 meter.

"Memang biasa dengar bunyi helikopter dan kapal terbang namun tidak seperti hari ini kerana bunyi agak luar biasa," katanya kepada BH, hari ini.

Dia kemudian keluar sekejap untuk bersarapan dan sekembali di tempat kerja mendapati helikopter berkenaan sudah terhempas.

"Ini kali pertama saya lihat kejadian seperti ini sejak kerja di sini, kira-kira 15 minit kemudian ambulans dan polis datang untuk memberi bantuan kecemasan.

"Bagaimanapun saya tidak pasti apa situasi sebenar yang berlaku," katanya.

Terdahulu media melaporkan helikopter Airbus AS350 B3 yang terhempas berlepas dari Sungai Lembing, Pahang pagi tadi.

Kementerian Pengangkutan dalam kenyataan hari ini, memaklumkan pesawat yang dikendalikan Leopad Aviation Sdn Bhd itu berlepas pada jam 8.30 pagi tadi.

"Helikopter dalam penerbangan persendirian ke Subang melalui Maran, Temerloh, Karak dan Batu Caves dengan satu juruterbang dan empat penumpang.

"Dua mangsa dilaporkan mengalami kecederaan dan sedang menerima bantuan perubatan sementara tiga lagi mangsa berada dalam keadaan stabil," katanya.

Menurut kementerian itu lagi, siasatan lanjut akan dijalankan oleh Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia mengikut Bahagian XXVI Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016.